

## Helaian Keterangan Produk

Nota: Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum Anda (**“Pemilik Sijil”**) membuat keputusan untuk membeli Qaseh Bakti Plus. Anda juga patut membaca terma umum dan syarat.

Nama Institusi Kewangan:	FWD Insurance Berhad
Nama Produk:	Qaseh Bakti Plus
Pelan Dipilih:	Pelan <1/2/3>
Tarikh:	<DD/MM/YYYY>

### 1. Apakah produk ini?

Qaseh Bakti Plus adalah satu pelan insurans hayat kumpulan bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun (pembaharuan adalah tidak terjamin) bawah Polisi Induk Bank Simpanan Nasional, salah satu rakan kongsi perniagaan FWD Insurance Berhad. Produk ini menawarkan perlindungan atas kematian akibat bukan kemalangan, kematian akibat kemalangan, manfaat tunai penghospitalan harian bagi punca berkaitan bukan kemalangan, manfaat tunai penghospitalan harian tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

#### Ringkasan manfaat di bawah pelan asas Anda

Qaseh Bakti Plus menawarkan manfaat-manfaat berikut semasa Sijil masih berkuatkuasa.

Manfaat	RM		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan <sup>1</sup>	1,000	2,000	2,500
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	2,000	4,000	5,000
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Bukan Kemalangan <sup>12</sup>	40 / hari	80 / hari	100 / hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Kemalangan <sup>2</sup>	80 / hari	160 / hari	200 / hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi <sup>12</sup>	40 / hari	80 / hari	100 / hari

<sup>1</sup> Tertakluk kepada Tempoh Menunggu 30 hari bagi punca berkaitan bukan kemalangan.

<sup>2</sup> Gabungan had tahunan adalah setinggi 14 hari bagi setiap tahun untuk Manfaat Tunai Penghospitalan dan had tahunan akan dipulihkan jika Sijil diperbaharui. Manfaat Tunai Penghospitalan tidak akan terkumpul dan akan dipulihkan setiap Ulang Tahun Sijil.

Tempoh Perlindungan: Sijil insurans boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur 58 tahun setelah pembayaran premium pembaharuan. Pembaharuan adalah tidak terjamin.

Nota: Sila rujuk kepada Polisi Induk untuk definisi, terma dan syarat yang terperinci.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang Anda perlu bayar akan bergantung kepada pelan yang Anda pilih.

Berikut adalah premium tahunan yang diperlukan untuk lelaki dan perempuan:

Manfaat	RM		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3

Premium pembaharuan adalah TIDAK TERJAMIN. Kami berhak untuk mengubah premium dengan memberi Anda notis secara bertulis 90 hari.

#### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Sebahagian premium yang Anda bayar akan digunakan untuk membayar:-

Jenis	Pelan 1		Pelan 2		Pelan 3	
	%	RM	%	RM	%	RM
Komisyen kepada Bank Simpanan National	10.00	6.00	10.00	12.00	10.00	15.00

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang boleh mempengaruhi profil risiko Orang yang Diinsuranskan seperti pekerjaan dan umur dengan tepat.
- Sekiranya Anda gagal memberitahu Kami mengenai sebarang pertukaran pekerjaan Orang yang Diinsuranskan, Kami boleh menafikan perlindungan.
- Tempoh Pengamatan Percuma – Anda boleh membatalkan Sijil Anda dalam masa lima belas (15) hari selepas Sijil ini telah dihantar kepada Anda. Kami akan memulangkan jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah.
- Tempoh Tenggang – Tempoh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh premium yang perlu dibayar (termasuk) akan dibenar untuk pembayaran premium pembaharuan, semasa Sijil ini kekal berkuatkuasa. Jika premium masih belum dibayar pada hujung Tempoh Tenggang, Sijil ini akan luput dan perlindungan insurans akan tamat.
- Apabila berlaku tuntutan, Anda atau wakil Anda dikehendaki untuk memberikan notis bertulis kepada Kami. Sebarang kelewatan dalam berbuat demikian boleh menjelaskan penilaian tuntutan oleh Kami. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam pengemukaan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi Induk untuk senarai penuh terma dan syarat.

#### 6. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Sijil ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini Kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk Sijil Anda. Kami mungkin juga akan mengenakan pengecualian tertentu apabila Kami menawarkan Sijil ini kepada Anda. Pengecualian tersebut akan direkodkan di dalam Endorsmen Sijil Anda.

Pengecualian	Penerangan
Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri	<p>Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Sijil ini jika tuntutan akibat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ daripada bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri yang sengaja oleh Orang yang Diinsuranskan ketika waras atau tidak waras; dan</li> <li>▪ dalam tempoh satu tahun dari Tarikh Permulaan Sijil.</li> </ul>
Tindakan menyalahi undang-undang	<p>Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Sijil ini jika tuntutan akibat kerana Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.</p>
Peperangan	<p>Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Sijil ini jika tuntutan adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.</p>

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat Tunai Penghospitalan Harian jika penghospitalan dianggap tidak munasabah dan tidak diperlukan dari segi perubatan.

Kami tidak akan membayar Manfaat Tunai Penghospitalan Harian jika penghospitalan berpunca secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, daripada sebarang kejadian yang berikut:

- Penyakit sedia ada; atau
- Bersunat dan sebarang pembedahan pada kulup; atau
- Sebarang bentuk penjagaan atau pembedahan pergigian kecuali apabila diperlukan akibat kecederaan; atau

- d) Penyakit kelamin dan turutannya; atau
- e) Kehamilan, kelahiran (termasuk pembedahan bersalin), keguguran, menggugurkan dan penjagaan sebelum atau selepas bersalin dan pembedahan, kaedah kontraseptif mekanikal atau kimia untuk mengawal kelahiran atau rawatan berkaitan kemandulan. Disfungsi ketegangan (mati pucuk) dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pemandulan; atau
- f) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur dan terapi/rawatan alternatif; atau
- g) Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
- h) AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Masalah Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin mengikut undang-undang; atau
- i) Apa-apa rawatan atau pembedahan untuk kelainan kongenital atau kecacatan termasuk bersifat keturunan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi Induk untuk senarai penuh pengecualian.

## 7. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Membeli polisi insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka masa panjang. Sekiranya Sijil Anda sudah dikeluarkan dan Anda membuat keputusan untuk membatalkan Sijil Anda, atas apa sahaja sebab, Anda boleh meminta pembatalan selepas Sijil telah dihantar kepada Anda. Sekiranya permintaan untuk pembatalan diterima oleh Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil, Kami akan memulangkan jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah. Sekiranya Anda membatalkan Sijil selepas lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil, Sijil Anda akan tamat pada tarikh premium yang perlu dibayar yang seterusnya tanpa sebarang pemulangan premium yang telah dibayar. Produk ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada sebarang nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatian Sijil.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan Anda/penama Anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada Anda/penama Anda dengan sepatutnya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]

Ibu Pejabat : Level 21, Mercu 2, KL Eco City,  
No.3 Jalan Bangsar,  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Talian Khidmat Pelanggan : 1300-22-6262  
Laman Web : fwd.com.my  
E-mel : ask@fwd.com

## 10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila rujuk kepada Kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

### NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA BERSESUAIAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

INI ADALAH PRODUK PERLINDUNGAN TULEN TANPA NILAI TUNAI.

Notis Penting Lain:

1. Anda haruslah berpuas hati bahawa Sijil ini memenuhi keperluan Anda serta premium yang perlu dibayar di bawah Sijil ini adalah di dalam kemampuan Anda.
2. Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama untuk Sijil Anda dan memastikan penama sedar dan mengetahui tentang Sijil yang telah Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan mungkin menangguhkan pembayaran manfaat-manfaat.
3. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
4. Penggantian polisi insurans hayat sedia ada dengan polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
5. Sijil ini mungkin layak untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
6. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Sijil ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai bayaran tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Sijil ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunakan dengan Cukai Berkenaan.

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.